

Program inkubasi 44 siswazah usahawantani



SERAMAI 44 siswazah yang mengikuti Program Inkubasi Usahawantani 2015 bakal diberi pinjaman melalui 'green lane' untuk memulakan perniagaan sama ada daripada AgroBank atau TEKUN.

SERAMAI 44 siswazah berjaya bergelar usahawantani apabila masing-masing menerima sijil penyertaan dan Kad MyAgrosis pada majlis penutup Program Inkubasi Usahawantani 2015.

Program inkubasi usahawantani bertujuan melahirkan graduan usahawan muda dalam bidang pertanian yang merangkumi aspek pengeluaran, pemprosesan dan perniagaan berdasarkan tani.

Peserta yang terdiri daripada lepasan diploma institut pengajian tinggi seluruh negara berjaya menjalani program sepenuh masa selama enam bulan bermula Januari lalu.

Dekan Fakulti Pertanian, Prof. Dr. Abdul Shukor Juraimi berkata, program itu telah mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, menerusi memorandum persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani antara Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

"Menerui kerjasama ini semua peserta program telah menjadi ahli kelab MyAgrosis dan membolehkan mereka mendapatkan pinjaman melalui 'green lane' untuk memulakan perniagaan sama ada daripada AgroBank atau Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN).

"Sebanyak 13 syarikat telah pun ditubuhkan yang melibatkan 20 peserta daripada jumlah peserta tahun ini. Ini bermakna seramai 57 peserta telah pun bersedia untuk memulakan perniagaan selepas Jun," katanya.

Beliau menambah, untuk dua tahun

berturut-turut pada 2012 dan 2013, dua projek daripada peserta program inkubasi telah memenangi hadiah dalam pertandingan anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi kategori "Best Student Enterprise.

Ujarnya, pada tahun ini, unit inkubasi telah menghantar tiga pencalonan ke Pertandingan Keusahawanan Kementerian Pendidikan 2015 dalam kategori Best Student Enterprise Awards, Best Entreprenuership Mentor Awards, Best Entreprenuership Project Awards dan Best Entreprenuership Mentor Awards.

Program kali keempat anjuran Fakulti Pertanian, UPM sejak tahun 2012 itu telah menawarkan enam modul iaitu tanaman rock melon (fertigasi), akuakultur (ternakan ikan tilapia dalam sangkar), bioteknologi (penghasilan biokompos), ternakan ayam kampung kacukan, pengurusan perkhidmatan makanan, perdagangan dan ekopelancongan.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Fauzi Ramli berkata, sebanyak RM5 juta nilai hasil keluaran telah berjaya dipasarkan daripada pelbagai syarikat oleh peserta program itu.

"Ini merupakan sumbangan secara langsung program ini kepada pengeluaran makanan kepada penduduk negara ini.

"Program ini secara langsung turut memberi impak positif dan menepati objektif yang telah disasarkan iaitu bukan sahaja untuk melahirkan usahawan pertanian tetapi juga menyumbang kepada keluaran makanan negara," terangnya.

- DHIYA'ZULHILMI DAUD